

# PM: Syarikat penerbangan jangan tekan rakyat

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
utusannews@mediamulia.com.my

**BERA:** Kerajaan mengarahkan Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenakan tindakan terhadap pengendali syarikat penerbangan yang menaikkan harga tiket melampau menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri bulan depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, berdasarkan laporan media, harga tiket penerbangan terutama ke Sabah dan Sarawak dikatakan naik sehingga 500 peratus pada musim perayaan dan tindakan itu melampau kerana menekan rakyat yang mahu pulang beraya.

“Saya beritahu kalau tambang pesawat ke Kedah naik harga, mereka yang mahu balik kampung boleh balik dengan kereta, ada alternatif.

“Tetapi kalau tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak naik, mereka hendak naik apa? Tak kan naik kereta balik Sabah?” kata beliau ketika berucap pada Majlis Pelancaran Pasaraya MG Coopmart dan Jualan Harga Murah Semarak Ramadan Keluarga Malaysia di Pasaraya MG Coopmart Cawangan Bera di sini semalam.

Sehubungan itu, menurut beliau, kerajaan telah meminta KPDNHEP melihat perkara tersebut kerana menaikkan tambang se-



**ISMAIL Sabri Yaakob menunjukkan ayam segar dijual dengan harga RM5 pada Majlis Pelancaran Pasaraya MG Coopmart dan Jualan Harga Murah Semarak Ramadan Keluarga Malaysia di Pasaraya MG Coopmart Cawangan Bera di Bera, Pahang semalam. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI**

hingga 500 peratus adalah menyalahi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

“Harga tiket RM2,000 (tiket ke Sabah) sekarang sama mahal ke London. Jadi, saya juga sudah minta Kementerian Pengangkutan memanggil syarikat-syarikat penerbangan untuk minta menurunkan harga.

“KPDNHEP pula perlu tegas terhadap mana-mana pihak tidak kira syarikat besar atau kecil,

mana yang ambil keuntungan berlebihan dan salah di bawah akta antipencatutan perlu diambil tindakan segera,” kata beliau.

Kata Ismail Sabri, kerajaan tidak akan membiarkan peniaga mengambil kesempatan sepanjang Ramadan dan menjelang raya kerana perkara itu memberi tekanan kepada rakyat.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong

dimaklumkan telah mengadakan perjumpaan dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi mengkaji semula kenaikan harga yang melampau itu.

Jumaat lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan, harga tambang kapal terbang terutama ke Sabah melonjak 20 kali ganda atau 2000 peratus daripada harga asal, menyaksikan harganya antara RM1,800 hingga hampir RM4,000 untuk penerbangan sehalu.